

5 RAKAN SEKERJA NEXUS SERTAI SKIM SUPERFISH 5 ASSOCIATES JOIN SUPERFISH SCHEME



Para peserta Nexus bergamoi ramai dengan Ketua Pegawai Eksekutif, pengurusan dan jurulatih kerjaya
The participants in a group photo with the CEO, management and coaches

Selepas beberapa bulan kerja-kerja persediaan, projek kerjasama antara Nexus dan Superfish Growers akhirnya dimeterai dan 21 peserta kumpulan pertama dari ketiga-tiga PDC; Nexus, DST DevCo dan Evolve.Me akhirnya dipilih untuk menyertai projek itu untuk memiliki dan mengendalikan ladang cili menggunakan teknologi rumah hijau di Taman AgroTech di Tungku. Pada hari Jumaat, 5 Februari, para peserta telah disampaikan dengan surat tawaran dan dokumen kontrak mereka dalam upacara serentak di semua PDC. Di Nexus, 5 rakan sekerja dipilih, 14 dari DST DevCo dan 2 dari Evolve.Me.



Ketua Pegawai Eksekutif Nexus, Hajah Nor Azura menyampaikan surat tawaran kepada rakan sekerja Nexus
Nexus CEO, Hajah Nor Azura presenting the offer letters to (from left) Rosinah, Hakeem, Adam, Azma and Marianah

After months of preparatory works, the collaborative project between Nexus and Superfish Growers was finally sealed and the first group of 21 participants across the three PDCs; Nexus, DST DevCo and Evolve.Me were finally selected to participate in the project to own and operate chilli farms using greenhouse technology at the AgroTech Park in Tungku. On Friday, 5th February, the participants were presented with their offer letters and contract documents in simultaneous ceremonies at the PDCs. At Nexus, 5 associates were selected, 14 from DST DevCo and 2 from Evolve.Me.

KURSUS KAIFIYAT SEMBAHYANG BERJEMAAH A COURSE ON CIRCUMSTANCES OF GROUP PRAYERS



Ustaz Imaharan Ketika menyampaikan kursus amali dan praktikal
Ustaz Imaharan delivering his theory and practical course

Lebih 40 kakitangan dan rakan sekerja Nexus Sdn Bhd menghadiri bengkel selama 3 hari berkenaan dengan bersolat secara berkumpulan (Kaifiyat Sembahyang Berjemaah). Sesi harian selama 2 jam bermula 8hb -10 Februari 2021 itu dikendalikan oleh pegawai dari Pusat Dakwah Islamiah yang diketuai oleh Ustaz Hj Imaharan Haji Metali. Antara subjek yang diajar termasuk cara menunaikan solat harian secara individu atau berkumpulan, cara membaca ayat-ayat dalam solat dengan betul serta demonstrasi praktikal untuk menunaikan solat.

More than 40 staff and associates of Nexus Sdn Bhd attended a 3-day workshop on circumstances with regard to praying in groups (Kaifiyat Sembahyang Berjemaah). The 2-hour daily session from 8th -10th February 2021 was conducted by officials from the Pusat Dakwah Islamiah led by Ustaz Hj Imaharan Haji Metali. Among the subjects covered included proper way of performing the daily prayer either individually or in groups, how to recite verses in prayers correctly as well as practical demonstration on performing a prayer.



Sebahagian kakitangan dan rakan sekerja yang menghadiri kursus | *Staff and associates attending the course*



RAKAN SEKERJA NEXUS HADIRI KURSUS FIRE MARSHAL DI BOMBA *NEXUS ASSOCIATES ATTEND FIRE MARSHAL COURSE AT FRD*

20 rakan sekerja telah menghadiri kursus 3 hari Fire Marshal dari 8 hingga 10 Februari 2021 anjuran Jabatan Bomba dan Penyelamat, Kementerian Dalam Negeri yang dijalankan di Balai Bomba Rimba. Selain daripada taklimat dan teori, para peserta juga telah dilatih pelbagai teknik menyelamatkan oleh tenaga pengajar dari Jabatan tersebut.



Pegawai Bomba dan Penyelamat dan para peserta | *FRD official and participants*

20 associates attended a 3-day Fire Marshal course from 8th to 10th February 2021 organised by the Fire and Rescue Department, Ministry of Home Affairs which was conducted at the Rimba Fire Station. Apart from briefings and theory aspects, the participants practised various rescue and life-saving techniques by instructors from FRD





Sesi praktikal teknik-teknik menyelamat | The practical session on rescue and life-saving techniques

